

# Dr. M: Sistem sosialis hanya bawa kerugian



DR. MAHATHIR

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Pelaksanaan ekonomi Bumiputra dan Dasar Ekonomi Baru melalui sistem sosialis akan hanya membawa kerugian kepada negara dan Bumiputra, kata Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Oleh itu, katanya, kerajaan tidak akan mengambil alih perniagaan-perniagaan besar yang sedang berjalan dan menyerahkannya kepada Bumiputra pada satu masa kelak.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, negara-negara yang memilih jalan demikian mendapati bahawa perusahaan yang diambil alih biasanya menjadi bankrap.

Di negara ini juga, tambahnya, banyak perniagaan dan perusahaan yang dimiliki oleh kerajaan dan diurus oleh kakitangan awam mengalami kegagalan.

Dr. Mahathir menjelaskan perkara ini ketika mengulangi perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa perbahasan titah ucapan Timbalan Yang Dipertuan Agung di Dewan Rakyat.

Wakil dari Kuala Ke-ral, Encik Mohd. Zahari Awang menandatangani kerajaan mengambil alih perniagaan-perniagaan seperti perombong, pembinaan, pemborongan, pengedaran dan sebagainya bagi memudahkan perniagaan tersebut diserahkan kepada Bumiputra satu hari nanti.

Perbuatan itu, jelas Dr. Mahathir, sangat digemari oleh penganut-penganut sosialisma dan nasionalisma.

"Malangnya manamana negara yang memilih jalan yang nampaknya mudah ini, akhirnya mendapati hasilnya jauh berbeza dari yang dijangkakan.

"Perusahaan-perusahaan yang diambil alih biasanya bankrap," tegasnya.

## Bankrap

Apa yang penting, kata Dr. Mahathir ialah pengurusan yang cekap.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, wakil dari PAS itu tentu lebih maklum, di waktu Kelantan di bawah PAS bukan saja perusahaan asing tidak diambil alih, tapi sebahagian besar dari negeri itu diberi kepada bukan Bumiputra dan pengusaha luar negeri untuk diusahakan.

"Ini menunjukkan wakil itu sendiri tidak begitu yakin kepada cadangan yang dibuatnya itu," ujarnya.

Wakil Nilam Puri, Datuk Haji Mohd Asri membangkitkan kadar pencapaian dasar ekonomi yang begitu lembab dan khuatir matlamat 30 peratus penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian tidak akan dicapai.

Datuk Haji Mohd. Asri berkata, sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, pencapaiannya hanya 7 peratus atau 0.8 peratus setahun dan bererti pada 1980, jumlah pencapaian hanya 17.5 peratus.

Dr. Mahathir berkata, "Walaupun pada awal jangka masa yang ditetapkan hanya mencapai secara purata 1 peratus setahun, tapi kementerian percaya dalam masa 12 tahun akan datang pencapaian ini akan menjadi lebih pesat.

"Memanglah dalam pelaksanaan sesuatu polid dalam ekonomi yang berkembang, kadar pencapaian di peringkat awal adalah berlawanan, tapi kadar ini akan meningkat seterusnya.

"Kementerian yakin bahawa matlamat 30 peratus Dasar Ekonomi Baru akan dicapai pada tahun 1980," jelasnya.

Dr. Mahathir menjelaskan peratusan pencapaian yang dinyatakan oleh wakil Nilam Puri itu hanyalah bagi sektor korporat

syarikat atau pun 23.7 peratus daripada syarikat-syarikat yang didaftarkan dengan pendaftar perniagaan, adalah dimiliki dan diusahakan oleh Bumiputra.

Berhubung dengan Rang Undang-undang Perbadanan Kemaajuan Filem Nasional, yang ditimbulkan oleh wakil dari Permatang Pauh, Encik Ariffin Daud dan Encik Shaari Jusoh (Kangar), Dr. Mahathir menerangkan:

## Meningkat

Derajat awal Rang Undang-undang tersebut telah pun dibentangkan kepada Jemaah-Menteri.

Bagaimana pun, katanya, setelah dikaji terdapat beberapa kelemahan dalam draf itu dan Jemaah Menteri telah mengarahkan satu draf yang lebih sesuai dan kemas disediakan dan ia akan dipertimbangkan dengan secepat mungkin.

Dr. Mahathir menolak dakwaan bahawa kelewatan itu kerana kerajaan mendapat tentangan dari pihak tertentu.

Mengenai cadangan Dr. Tan Chee Khoo (Kepong) supaya Akta Penyelara-

saan Perindustrian 1975 dibatalkan, Dr. Mahathir berkata, syor itu tidak dapat diterima.

Kerajaan sedar, katanya, keseimbangan dan kekuatan sektor swasta terhadap pelaksanaan akta itu dan dengan itu telah pun mengambil langkah tertentu termasuk membuat beberapa pindaan.

Pelaksanaan akta itu, jelasnya, tidak akan menimbulkan satu keadaan yang boleh menjejaskan dasar kerajaan untuk meningkatkan pelaburan tempatan dan asing.

Mengenai cadangan Encik Oo Gin Sun (Alor Setar) supaya kerajaan bertindak balas terhadap Australia dan New Zealand yang menyekat kemaajukan barangan eksport kita ke negara tersebut, Dr. Mahathir berkata:

Kerajaan sedar sekatan barang-barang eksport dari negara ini yang dikenakan, terutama oleh Australia.

Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah membuat perwakilan di berbagai peringkat rasmi, termasuk peringkat tertinggi di mana Perdana Menteri telah berbincang dengan Perdana Menteri Australia baru-baru ini.

No. Siri: 1265  
No. Fax: 936/80